

77

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI**  
**[GOMBAK – PKR]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2017**

**NO. SOALAN: 36**

**Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelarian Rohingya yang dijangka akan memasuki sempadan negara susulan tindakan pembersihan etnik terbaru oleh Kerajaan Myanmar ketika ini.

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kemungkinan kemasukan etnik Rohingya yang melarikan diri ke Bangladesh untuk memasuki Malaysia buat masa ini adalah rendah. Ini kerana etnik Rohingya tersebut kini berada di kem-kem pelarian di Bangladesh dan pelbagai pihak termasuk masyarakat antarabangsa kini sedang menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada etnik Rohingya. Etnik Rohingya yang berhasrat untuk pergi ke negara lain termasuk Malaysia sering kali menjadi mangsa penipuan oleh sindiket-sindiket penyeludupan dan pemerdagangan manusia malah ada yang kehilangan nyawa.

Kerajaan melalui Malaysia Coast Guard (APMM) sentiasa membuat pemantauan dan bersiap sedia untuk memberikan bantuan ke atas mana-mana kapal dan bot yang membawa etnik Rohingya yang mengalami situasi kecemasan semasa melalui perairan Malaysia.

Etnik Rohingya ini akan dibuat pemeriksaan lanjut serta tapisan keselamatan dan akan dirujuk kepada Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR) bagi menentukan sama ada etnik Rohingya tersebut layak diberikan perlindungan antarabangsa. Ini penting kerana terdapat beberapa insiden sebelum ini di mana terdapat warga Bangladesh yang turut mendakwa sebagai etnik Rohingya untuk mendapatkan kad UNHCR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : JAWAB LISAN****DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[KOTA SAMARAHAN]****TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)****SOALAN : 37**

**Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kejayaan penubuhan **komuniti bestari** di negara ini dalam melahirkan masyarakat yang unggul serta apakah pelan inisiatif Kementerian secara NBOS bagi memastikan pertubuhan ini berkolaborasi dengan badan lain di peringkat komuniti.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Komuniti BESTARI telah dijenamakan semula kepada Komuniti 1Malaysia (K1M) pada Oktober 2010. Sejalan dengan matlamat bagi melahirkan masyarakat rakyat yang unggul melalui K1M, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah

menyediakan Pelan Transformasi Komuniti 1Malaysia 2016 – 2020 yang menggariskan (lima) 5 strategi utama iaitu :

- 1) Memantapkan struktur organisasi Komuniti 1Malaysia;
- 2) Mewujudkan Kepimpinan Strategik;
- 3) Memanfaatkan teknologi maklumat;
- 4) Memperkasakan ekonomi; dan
- 5) Memperkukuhkan integrasi dan perpaduan nasional

Selaras dengan peranan K1M sebagai ejen pemasaran maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan di peringkat negeri dan daerah, K1M dijadikan sebagai platform untuk menyampaikan informasi secara terus dan bersemuka kepada rakyat dengan penglibatan Jabatan / Agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO) berkaitan, universiti awam, universiti swasta dan kolej serta Pertubuhan Belia pelbagai kaum melalui *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

Sebanyak 15,000 program dan aktiviti telah dilaksanakan bermula daripada tahun 2015 hingga 2017 dengan melibatkan anggaran seramai 4.5 juta kehadiran. Antaranya adalah seperti :

- i) Kursus perniagaan *online* kepada usahawan K1M di seluruh negara bersama MYNIC yang melibatkan seramai 210 usahawan K1M; dan
- ii) Kursus e-Rezeki dan e-Usahawan bagi ahli-ahli K1M dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan Kolej Komuniti setempat di Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Penubuhan Sukarelawan K1M di seluruh negara merupakan satu lagi pencapaian di bawah K1M. Tujuan utama Sukarelawan K1M ditubuhkan ialah sebagai 'mata dan telinga' JaPen di peringkat lapangan dan juga untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti titik sentuhan berkonsepkan gotong-royong. Terdapat lebih 20,000 ahli K1M dengan kepakaran dalam pelbagai bidang telah menganggotai Sukarelawan K1M ini.

Pada masa ini K1M telah mempunyai keahlian mencecah 300,000 orang dengan menggabungkan komuniti Melayu, Cina, India dan lain-lain. K1M juga telah mensasarkan penggunaan media sosial sebagai strategi jaringan rangkaian maklumat yang akan diwujudkan secara berperingkat.